



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

DASAR BEKERJA DARI RUMAH SEMPENA SIDANG KEMUNCAK ASEAN OKTOBER 2025

PUTRAJAYA, 13 OKTOBER 2025 - Seiring komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perkhidmatan awam, Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi pegawai awam akan terus dilaksanakan secara fleksibel tertakluk kepada peraturan yang sedang berkuat kuasa. Dasar ini, yang diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.4.1.2, bertujuan mewujudkan keseimbangan antara keperluan agensi dalam memastikan kesinambungan tugas dan keperluan pegawai dari segi kesejahteraan serta keharmonian kerja-kehidupan (work-life balance).

Sehubungan itu, sempena Sidang Kemuncak ASEAN yang dijadualkan berlangsung pada bulan Oktober tahun ini, Ketua Jabatan adalah diberi kuasa untuk mempertimbangkan permohonan BDR bagi pegawai yang tinggal dalam radius 25 kilometer dari pejabat, yang terkesan dengan kesesakan aliran trafik sempena pelaksanaan persidangan tersebut dalam tempoh berkenaan.

Langkah ini merupakan antara inisiatif Kerajaan MADANI dalam mengutamakan tadbir urus berdaya tahan dan prihatin, selari dengan nilai-nilai teras MADANI seperti kesejahteraan, ihsan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Pegawai awam yang layak disarankan berhubung dengan Ketua Jabatan masing-masing untuk pertimbangan sewajarnya. Pelaksanaan dasar ini hendaklah berpandukan tatacara dan syarat yang telah digariskan dalam peraturan berkuat kuasa.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 13 Oktober 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (28)